

Kenyataan Akhbar  
*Press Release*

**PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT DAN  
BEDAH BUKU PERINGKAT UNIMAS 2014,  
SEMPENA HARI BUKU DAN HAKCIPTA  
SEDUNIA ,**

**Kota Samarahan** – Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan Canselori, Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat, Pusat Khidmat Pelajar, Pusat Pemajuan Pelajar, Bahagian Penerbitan dan Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS akan mengadakan Program Jom Baca Bersama 10 minit dan Bedah Buku Peringkat UNIMAS 2014, sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia Semenjak tahun 1996 lagi Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah menetapkan tarikh 23 April setiap tahun sebagai Hari Buku dan Hakcipta Sedunia (world book and copyrights day). Saban tahun lebih daripada 100 buah Negara meraikan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan promosi galakan membaca, kegiatan penerbitan dan perbukuan serta program/kempen perlindungan harta intelek melalui hak cipta. UNIMAS tidak ketinggalan dalam meraikan pelbagai aktiviti menarik yang telah dirangka sepanjang tahun untuk menyemarakkan amalan membaca dalam kalangan warga. Selain itu juga UNIMAS menyahut Kempen Jom Baca Bersama 10 minit yang telah dijalankan di seluruh Negara.

**Antara Objektif Program**

Program ini diadakan untuk :

- menyemarak dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan warga UNIMAS khasnya dan masyarakat amnya.
- mewujudkan kesedaran dan keperihatinan masyarakat akan adanya Hari Buku dan Hakcipta Sedunia.
- menekankan kepentingan perlindungan harta intelek dan menyemai minat untuk menghasilkan karya yang berkualiti dalam kalangan masyarakat.

**Program Tentatif**

- 8.30 pagi : Ketibaan Tetamu Jemputan
- 9.00 pagi : Ketibaan YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi  
Naib Canselor UNIMAS
- : Nyanyian Lagu 'Negaraku'

- : Bacaan Doa
- : Ucapan Aluan oleh Puan Margaret Simeng  
Ketua Pustakawan UNIMAS
- : Ucapan Perasmian oleh YBhg Prof Dato'  
Dr Mohamad Kadim Suaidi  
Naib Canselor UNIMAS
- : Simbolik Perasmian
- : Jom Baca Bersama 10 Minit (semua  
tetamu jemputan membawa buku masing-  
masing dan digalakkan menderma buku)
- : Sesi Bedah Buku ***Dances with Garuda:  
Malaysia-Indonesia Bilateral  
Relations*** oleh Dr. Ahmad Nizar Yaakub,  
Pensyarah Fakulti Sains Sosial, UNIMAS
- : Persembahan Selingan  
Sesi Bedah Buku **Persembahan**
- : **Bangsawan Di Sarawak** oleh Dr. Nur  
Afifah Vanitha binti Abdullah, Pensyarah  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,  
UNIMAS
- : Sesi Soal Jawab
- : Sesi Autograf dan Fotografi Bersama  
Peminat
- :
- : *Book Drop* untuk *Book Donation Station*  
(bagi Program Khidmat Masyarakat  
PKMA)
- : PKMA)
- Lawatan ke Pameran Buku UNIMAS
- : Jamuan
- : Bersurai

Sesi Bedah Buku menampilkan dua orang pengarang buku terbitan UNIMAS yang memfokuskan bidang kepakaran masing-masing di dalam penulisan mereka. Diharapkan dengan perkongsian ilmu ini akan menarik minat warga UNIMAS terutama dalam kalangan akademik dan masyarakat setempat untuk terus menghasilkan karya yang berkualiti.

Majlis Perasmian Program ini nanti akan diadakan pada 28 April 2014 (Isnin), jam 9.00 pagi bertempat di Auditorium PKMA, UNIMAS dan akan disempurnakan oleh YBhg Prof Dato Dr. Mohamad Kadim Haji Suaidi, Naib Canselor UNIMAS.

**Maklumat Lanjut Sila Hubungi:**

25 April 2014

Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 583920  
Fax +60 82 665156  
Email: mnzainun@cais.unimas.my  
abvalentino@cais.unimas.my  
[www.unimas.my](http://www.unimas.my)

**Puan Zainun Amt Nor dan Tn Hj Valentino Abu Bakar  
Pengerusi Bersama  
Program Jom Baca Bersama 10 Minit dan Bedah Buku  
Peringkat UNIMAS 2014 sempena Hari Buku dan  
Hakcipta Sedunia.**

**Tel: 082- 583836 dan 082583885**

**U N I M A S**